

# Ekonomi dijangka lebih baik 2017, 2018

BH 6/10

➔ Unjuran Bank Dunia berdasarkan harga komoditi, minyak semakin pulih

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**emulihan harga komoditi, terutama minyak mentah global serta peningkatan semula aktiviti dalam sektor pembuatan menjadi pemacu utama Bank Dunia mengunjurkan ekonomi Malaysia lebih baik bagi tahun 2017 dan 2018.

Ketua Ekonomi bagi Rantau Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia, Sudhir Shetty (**gambar**), berkata pemulihan ekonomi Malaysia lebih baik daripada sasaran 4 peratus 2016 kebanyakan disokong harga minyak global yang semakin pulih.

Katanya, walaupun harga minyak

mentah diunjur mencatat pemulihan dalam tempoh dua tahun akan datang, ia tidak terlalu tinggi sehingga melepasi paras dicatatkan pada 2014, iaitu melebihi paras kemuncak AS\$112 satu tong.

"Harga minyak dijangka mula mencatat pemulihan kecil tahun depan tetapi tidak akan melepasi paras 2014. Ia lebih tinggi berbanding apa yang dicapai ketika ini.

"Pemulihan ini memberikan prospek lebih baik kepada ekonomi yang bergantung kepada komoditi seperti Malaysia.

"Bank Dunia menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2017 dan 2018 lebih baik masing-masing pada kadar 4.3 dan 4.5 peratus berbanding tahun ini," katanya pada sidang video dari Washington DC, Amerika Syarikat (AS) bersama media Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

➔ Lihat Ms.B2

Info

## Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

| MALAYSIA                        | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 <sup>u</sup> | 2017 <sup>u</sup> | 2018 <sup>u</sup> |
|---------------------------------|------|------|------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Inflasi (Indeks harga pengguna) | 2.1  | 3.1  | 2.1  | 2.5               | 2.2               | 2.3               |
| Baki akaun semasa (% dari KDNK) | 2.9  | 4.0  | 2.3  | 1.8               | 2.2               | 2.4               |
| Baki fiskal (% dari KDNK)       | -3.7 | -3.1 | -3.2 | -3.1              | -3.1              | -3.0              |
| Hutang (% dari KDNK)            | 57.1 | 55.8 | 57.8 | 57.8              | 58.3              | 59.4              |
| Baki awal (% dari KDNK)         | -1.7 | -1.0 | -1.0 | -0.8              | -0.7              | -1.1              |

Sumber: Bank Dunia Nota: u=unjuran